



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 8/2018**

Rujukan : Bil ( 20 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

31 Mei 2018

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Pegawai Aset PTJ/Stor Utama  
Majlis Bandaraya Ipoh

**PENETAPAN GARIS PANDUAN BAGI PENGELASAN KATEGORI INVENTORI  
(STOK) MAJLIS**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan pihak Majlis telah meluluskan kertas kerja berkaitan Penetapan Garis Panduan Bagi Pengelasan Kategori Inventori (Stok) Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bil.2/2018 pada 30 April 2018 yang lalu.

3. Tujuan penetapan garis panduan ini diwujudkan supaya pengelasan kategori bagi inventori (stok) adalah lebih jelas untuk memastikan pengurusan aset dapat dilaksanakan dengan lancar dan sistematik. Penetapan garis panduan bagi menentukan pengelasan inventori (stok) Majlis adalah seperti jadual berikut:-

JADUAL 1		
BIL	KRITERIA	
	HARTA MODAL	ASET BERNILAI RENDAH (AABR)
1.	Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) atau lebih setiap satu unit.	Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu)

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 8/2018**

JADUAL 2		
BIL	KRITERIA INVENTORI (STOK)	
	CIRI-CIRI	ULASAN
1.	Nilai perolehan asal kurang atau sama dengan RM100; ATAU	Merupakan had amaun bagi panjar wang runcit Majlis sebanyak RM100.00 bagi setiap pembelian selaras dengan pindaan NPA Aset Alih.
2.	Barangan luak; ATAU	Barangan guna habis kerana ianya kerap digunakan / mudah rosak / haus seperti alat tulis pejabat dan alat tulis komputer.
3.	Penggunaan kurang daripada setahun; ATAU	Tempoh jangka hayat tidak melebihi 12 bulan.
4.	Tidak ekonomik untuk dikesan penempatan; ATAU	Kos mengesan penempatan barangan tersebut melebihi nilai perolehan asal.
5.	Merupakan alat ganti / komponen aksesori;	Barangan yang tidak dapat berfungsi dengan sendiri seperti alat ganti kenderaan.

6. Sehubungan dengan itu, mana-mana pembelian aset alih yang akan dibuat dan memenuhi salah satu daripada lima (5) ciri-ciri seperti di Jadual 2, aset alih tersebut adalah dikategorikan sebagai inventori (stok) Majlis.

7. Segala kerjasama, perhatian dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi. **Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"**

  
**(DATO' ZAMRI BIN MAN)**  
Datuk Bandar Ipoh

**"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"**